some rather interesting figures. For the period 1956-1960 private savings amounted to \$1,860 million and it is expected that for the next five years, that is the period 1961-1965, private savings will amount to just under \$2,500 million. But the Government expects that only \$1,750 million of that amount will be employed in this sector of the economy. I, therefore, think that this figure is not unduly optimistic. The next figure is the amount expected from the Employees Provident Fund, that is \$200 million. This means an average of about \$40 million a year, and knowing that the resources of the Employees Provident Fund are, which in fact are expected to total something like \$4,000 million in the course of the next 30 years, I think it is not excessive. The next source is the Rubber Replanting Fund (Fund B) amounting to \$185 million. I speak from memory because I am no longer in charge of Commerce and Industry, but when I was there two years ago the figure was \$150 million. So, I don't think the figure of \$185 is an over-estimate. In fact, I think we can reach it quite easily. The next figure is a sum of \$280 million from "National Savings Borrowed from Banking System". This again is a fairly realistic figure, because it amounts to something like just over \$50 million a year, and in view of the resilience of the economy I don't think this figure will be unobtainable within the period. The Government expects that "Private Foreign Capital (including retained earnings of foreign companies)" will come to \$485 million. The World Bank Report—which I have before me here—says that this figure is too low and has given a figure of \$600 million, and Honourable Members will agree that bankers are by nature conservative. That makes a total of \$2,900 million. For the period of 1956/1960 the amount of private capital invested in this country amounted to \$400 million and therefore the figure of \$485 million for the next five years is, I think, on the conservative side.

Let us now turn to the other sector, that is the public sector of investment—Table VIII on page 61 refers. The Government there expects that "Federal

and State Budgetary Surplus after debt repayment and transfer to sinking funds" will provide \$200 million, that is an average of \$40 million a year. I agree that this is based on 80-cent rubber, and I will tell Honourable Members why we have chosen this "magic" figure of 80 cents. I took the trouble, when I arrived in the Treasury, to do a calculation of the average selling prices for our premier product during the post-war years, taking good years with bad, and it was discovered that the average selling price for rubber during the last thirteen to fourteen years has been in the region of 85 cents. So, I think the figure of 80 cents is not unreasonable. I agree that probably in the second half of this decade 80 cents may be too high—and, in fact, we have provided accordingly—and we are prepared to agree that the figure for the period 1965-1970 will probably be nearer 60 cents, but I think that probably for the first half of the decade 80 cents is not unreasonable.

The second item is the figure of \$140 million for "Renewal Funds and Current Surpluses of public enterprises". Here again I speak from memory, but I think my figure is roughly correct. As far as I can remember, the Central Electricity Board itself does turn out an operating surplus—I think that is the jargon used by them—of \$24 million. So I think that \$140 million in five years, that is an average of just under \$30 million a year, is not unreasonable when you consider that the C.E.B. itself can provide \$24 million of that amount—practically the whole amount could come from the C.E.B.

The E.P.F. is expected to provide \$500 million in five years—\$100 million a year. That, again, is the sum which it is providing at the moment. In fact, I do not mind admitting that this amount provided by the E.P.F. can be almost embarrassing in times of prosperity, because the Government finds it difficult to use so much money in this country.

Now, I refer to the Post Office Savings Bank. The figure given here is \$50 million in five years. That

again should be well within its capacity, for the Post Office provides even now \$10 million a year. Therefore, there should not be any difficulty whatever in reaching the goal irrespective of the price of rubber. In fact, I could show Honourable Members a graph of deposits in the Post Office from which they will note that the graph curves steeply upwards.

Currency Board, \$200 million.—The present assets of the Currency Board are in the region of \$1,200,000,000 and Honourable Members were probably aware, when the House debated the subject of the revision of the last Currency Agreement, that the Federation itself is entitled to, very roughly, two-thirds of that figure. The present Agreement also provides that up to \$300,000,000 of this amount can be invested in the securities of the participating Governments, and the Federation's share of this should be approximately \$200,000,000. So this money is readily available.

"Other Local Borrowing (including banks)" is expected to produce \$150 million. In this connection, I should add that for 1959 gross domestic short-term issues provided \$43 million. Therefore, the figure of \$150 million for five years, or \$30 million a year, is, in fact, below what we achieved in 1959.

Foreign loans.—As the Report has already pointed out, more than $\frac{1}{4}$ of the \$535 million expected has already been promised, and I do not anticipate any difficulty, in view of our sound financial position, in getting the remaining $\frac{3}{4}$, which will be just over \$300 million.

Grant Assistance, \$50 million.—I believe it is fairly certain that this amount is available, because I think it will consist largely of United Kingdom grants to the Ministry of Defence. Government balances will provide the remaining \$325 million, and that I think is not an unfair imposition as our present level of external reserves excluding sinking funds amounts to about \$800 million. Of course, from the Treasury standpoint, I should not want to dip into

this kitty for as long as possible, but I do not think it is an unfair price to pay for a Five-Year Plan.

Honourable Members will, therefore, see that the figures which are given in these two tables are neither unreasonable nor unduly optimistic. However, I should add one general observation and that is this. In the last analysis, the success of this Plan, as I have stated previously, will depend on the amount of private investment which will take place in the coming five years, and that in turn will depend not on the plans we produce nor on the speeches of the Opposition, but on our ability to maintain that atmosphere of confidence and stability which is the only sure road to success. So long as we can maintain that atmosphere, so long as we can convince the rest of the world, and particularly the capital exporting countries of the world, that the Government and people of this country will be prepared and will endeavour to the best of their ability to give a fair deal to all capital, whether local or foreign, then I have no doubt whatever that this Plan will be built on a sure and lasting foundation. (*Applause*).

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua akan datang ini, saya juga bersetuju dengan ranchangan ini tetapi saya akan memberi beberapa buah fikiran. Muka 14 ia-itu paragraph 45 di-sini ada di-sebutkan:

"The population is growing at more than 3 per cent a year,"

Jadi, ia-nya menyatakan penduduk akan bertambah 3 per cent dalam masa sa-tahun. Oleh sebab itu untuk mengatasi-nya, maka saya minta kepada Kerajaan supaya mengadakan penerangan sa-chara besaran² di-kampong² di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu ini. Kerana dengan jalan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka dapat-lah kelahiran anak² itu dengan sehat dan dapat di-ukor bagaimana chara² pendidekan untuk masa yang akan datang. Dengan tidak ada-nya ini, di-kampong² sekarang ini ada ibu² yang telah ada mempunyai beberapa orang anak

tidak menyanggupi untuk memberi kehidupan anak²-nya itu. Sa-hingga ada ibu² yang hamil menchari ubat di-sana sini dan ada yang membawa maut. Kejadian ini banyak berlaku di-kampong² dan ada di-antara-nya yang melihat di-dalam surat khabar ubat² maka di-chari-lah ubat² itu dan di-beli serta di-makan ubat itu sa-hingga ada yang membawa maut. Dengan adanya usaha² ini di-jalankan oleh Kerajaan sekarang dengan chara besaran² di-kampong², saya merasa, hajat Kerajaan di-dalam penambahan penduduk di-negeri ini tentu-lah berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, saya lagi k e m u k a k a n perkara 29 ia-itu tentang hal Roads and Bridges. Pada lima tahun yang telah lalu suatu peruntukan sa-banyak \$70 juta dan telah di-belanjakan \$95 juta, jadi usaha² di-dalam itu ada-lah 136% lebeh daripada yang di-anggap tetapi sayang-nya, walau pun sudah ber-lebeh daripada anggaran yang telah di-belanjakan, malang-nya jambatan yang telah di-anggarkan Kerajaan di-dalam kawasan saya ia-itu di-Dungun sana maseh belum ada apa² bunyi-nya lagi. Tetapi sunggoh pun begitu saya tidak-lah putus harapan kerana ada Rancangan Lima Tahun yang akan datang lagi ia-itu yang menguntokkan tidak sa-bagaimana yang dahulu lagi tetapi berganda lagi ia-itu sa-banyak \$190 juta. Besar harapan saya kepada Kementerian yang berkenaan tidak akan melupakan lagi Feri Dungun yang telah banyak mengorbankan jiwa orang² yang lalu lintas di-situ, dan tidak itu sahaja saya berharap juga yang jambatan² lain yang di-perlukan di-Pantai Timor sana saperti jambatan Maran dan lain²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana ucapan daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang meng-agong-agongkan soal pendidekan di-Tanah Melayu ini ia-lah yang ter-bagus barang kali daripada seluruh dunia ini. Itu pun barang kali tetapi saya merasa dukachita sadikit jika kita pandang kapada sudut pendidekan anak² perempuan kita di-dalam negeri ini saya merasa bahawa pendidekan kita bagi anak² perempuan

di-dalam negeri ini ada-lah yang ter-kebelakang jika kita bandingkan kapada negeri² tetangga kita yang lain. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, sabagaimana ucapan tanggohan saya beberapa hari yang lalu ia-itu untuk meminta atau merayu mengadakan lebeh banyak lagi sekolah² untuk anak²

Mr. Speaker: Hal yang telah di-chakapkan di-dalam ucapan penang-gohan itu tidak boleh di-chakapkan lagi.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Sadekit sahaja berkenaan dengan pendidekan.

Mr. Speaker: Jangan di-ulang lagi.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Di-dalam Sekolah Rumah Tangga itu, Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya Kerajaan tidak mahu menerima nama Sekolah Rumah Tangga, maka boleh-lah saya membawa kapada Rancangan Lima Tahun yang akan datang ini ia-itu berkenaan dengan continuation class ia-itu Sekolah Pelajaran Lanjutan yang bererti anak² yang tidak dapat masok kapada sekolah menengah maka anak² itu di-beri pelajaran lanjutan dua tahun lagi. Ini saya berharap supaya di-adakan juga sekolah lanjutan ini bagi anak perempuan. Jadi sa-lepas-nya anak² itu daripada Darjah VI itu di-beri pelajaran lanjutan dua tahun ia-itu khas untuk anak² perempuan. Pelajaran Sekolah Rumah Tangga itu bukan di-maksudkan h-nya belajar menjahit dan memasak sahaja tetapi hendak-lah lengkap dengan sa-lengkap²-nya bagi sa-saorang anak perempuan ia-itu apabila dia lepas daripada sekolah itu nanti sa-lain daripada sa-bagai sa-orang pendidek atau pelateh di-dalam rumah tangga-nya dapat pula di-gunakan-nya kepandaian itu untuk menchari mata penghidupan.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam rancangan untuk Education juga per-untukan sangat banyak. Jadi saya merasa tidak-lah lagi sa-bagaimana yang sudah bila di-tanya untuk me-nambah persekolahan bagi anak² perempuan itu dengan mendapat jawapan

tidak ada wang. Tetapi di-sini untuk lima tahun yang akan datang chukup rasa-nya peruntukan untuk anak² perempuan. Jadi saya meminta supaya Kementerian Pelajaran mengambil perhatian hendak-nya dapat gerakan pendidekan anak² lelaki dan perempuan itu sa-tanding supaya juga perempuan² di-dalam Tanah Melayu ini mendapat pendidekan yang sa-chukup-nya untuk mereka tegak sendiri di-belakang hari.

Berpindah saya, Tuan Yang di-Pertua, kepada usaha RIDA. Di-dalam usaha RIDA juga, Tuan Yang di-Pertua, maksud-nya usaha ini untuk memberikan kemajuan kepada orang² kampung yang dudok di-luar bandar. Ada-lah satu daripada usaha RIDA ini ia-lah mengadakan Taman Asohan Wanita. Di-dalam Taman Asohan Wanita ini, Tuan Yang di-Pertua, murid² di-terima dari kampung² dan apabila tamat nanti di-balekkan ka-kampung supaya anak² itu dapat menyibarkan pelajaran atau usaha² yang di-dapat-nya daripada Taman Asohan itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, soal ini juga saya merasa Taman Asohan RIDA belum lagi menepati bagaimana kehendak ra'ayat di-kampung². Sebab mereka itu di-dalam Taman Asohan RIDA belajar sa-lama 3 bulan soal menjahit dan soal memasak dan ada beberapa macham pelajaran yang lain² lagi ia-itu mithal-nya membuat anak² daripada kain dan sa-bagai-nya. Di-dalam soal pelajaran memasak mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, anak² yang daripada kampung² itu di-ajar di-Taman Asohan ini memasak dengan memakai letrik atau dengan memakai arang. Tetapi kebanyakan anak² yang di-kampung² ini dia boleh mempergunakan sabut kelapa yang dia tidak payah membeli lagi. Kalau di-ajar memasak dengan chara letrik di-Taman Asohan itu, bila dia balek ka-kampung letrik tidak ada di-rumah-nya, jadi kepandaian itu tidak dapat di-pergunakan apabila dia balek ka-kampung. Oleh sebab itu hendak-lah chara yang di-ajarkan oleh pehak Taman Asohan itu yang berguna dan yang dapat di-pergunakan oleh anak² ini apabila dia balek ka-kampung nanti.

Mr. Speaker: Tidak hendak di-beri letrik kepada tiap² kampung nampak-nya? (*Ketawa*).

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mithal-nya soal membuat anak² ini sa-chara berbesaran² di-publicitykan di-dalam surat² khabar yang guru²-nya di-datangkan kalau saya tidak salah daripada Ceylon. Untuk meninggikan taraf anak² perempuan kita di-kampung² di-ajar membuat anak² yang kalau di-buat satu hari ha-nya boleh siap satu, dan benda² untuk membuat-nya susah dapat di-sini, ini yang di-ajarkan kepada anak² kita yang kata-nya untuk memperbaiki keadaan hidup anak² perempuan di-kampung². Ini saya rasa jauh sa-kali daripada dasar yang ada pada kita ia-itu untuk memajukan anak² perempuan kita di-kampung². Alang-kah baik-nya jika di-ajar membuat benda² daripada barang² yang ada di-kampung² mithal-nya di-ajar mereka itu membuat barang² daripada pandan yang lebeh chantek dan di-perhalus lagi sa-hingga dapat kita perniagakan benda² itu keluar negeri. Jadi saya berharap supaya dasar Taman Asohan RIDA itu di-robah supaya dapat betul² apa yang hendak kita buat itu menghasilkan buah yang bernas.

Lagi, Tuan Yang di-Pertua, bagitu juga berkenaan dengan chara jahit menjahit. Saya mengatakan kalau dapat hendak-nya mereka yang keluar daripada Taman Asohan itu bukan sahaja pandai menjahit baju anak² kechil tetapi dapat juga menjahit kemeja untuk di-pakai oleh bapa atau suami-nya, adek²-nya atau anak²-nya. Tuan Yang di-Pertua, anak² perempuan itu bila balek daripada sana dia hanya tahu membuat baju perhiasan atau baju bandong yang di-pakai-nya sendiri, itu pun kadang² tidak betul. Sebab itu saya mengatakan di-sini ada beberapa orang di-Johor Bahru dan juga di-Trengganu dan di-tempat² lain saya bertanya kepada anak² yang keluar dari situ, "Boleh-kah meng-ajar?" Jawab-nya, "Saya belum berani ibu." Jadi ini-lah yang saya katakan hendak-lah di-ajar sa-masak²-nya dan tambah-lah masa yang 3

bulan itu jadikan sa-kurang²-nya 6 bulan supaya anak² kita bila keluar dari sana betul² dapat dia memberikan apa yang di-pelajari-nya itu kepada anak² perempuan di-kampung².

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pemilehan untuk masuk menjadi murid di-Taman Asohan itu. Kalau tujuan kita hendak mengambil betul² anak² di-luar bandar—dari kampung kebanyakan-nya pemilehan itu sechара pileh kaseh sa-bagaimana yang di-katakan oleh salah sa-orang sahabat saya Ahli Yang Berhormat dalam pembukaan tanah. Mithal-nya kebanyakan daripada anak², atau isteri², atau saudara² daripada orang yang bekerja dari RIDA. Jadi orang² itu sudah ada rumah chantek, mithal-nya ada letrik yang chantek—mereka itu sudah belajar. Kadang² ada dari anak² yang masuk ka-sekolah itu yang sudah tamat dari Tenaga Murni yang telah mempunyai kelayakkan untuk chara potong-memotong, chara membuat kueh hanya kalau 3 bulan untuk dia pergi makan angin ka-Kuala Lumpur melihat bagaimana keadaan dalam Taman Asohan itu dan ada pula di-minta oleh anak² itu kepada saya ia-itu ada di-antara anak² yang sudah mahir, sudah pandai boleh pergi untuk melihat, untuk mengalami bagaimana yang ada di-sana itu. Tetapi ini bukan ini maksud-nya. Hendak-lah anak² itu di-ambil, meminta kepada guru² daripada tiap² kampong itu yang ada mempunyai Sekolah Perempuan Darjah VI dan pileh daripada anak² itu dua tiga orang, atau dengan perantaraan kepala kampong meminta daripada anak² kampong itu yang mempunyai kebolehan, yang mempunyai kemahuan betul² yang hendak menyebarkan beneh daripada Taman Asohan itu nanti. Baharu-lah dapat di sibarkan dengan baik ia-itu pelajaran yang di-terima oleh anak² itu daripada Taman Asohan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya dapat tahu ia-itu Taman Asohan akan di-dirikan lagi di-Melaka, Province Wellesley dan ada dua tiga tempat lagi kalau tak salah seperti yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda. Beliau mengatakan kerana ini mendapat sambutan dari ra'ayat. Tuan Yang di-Pertua, sekarang

kami yang anak² perempuan dan kami kaum wanita dalam Tanah Melayu ini haus kepada pelajaran, haus, haus—tak ada rumah tempat pelajaran. Oleh sebab itu sangat di-sambut, sangat di-hargai dan sangat kami minta supaya di-adakan tidak dua tiga tempat ini sahaja, tetapi di-tiap² tempat hendak-nya di-adakan Taman Asohan RIDA ini oleh Yang Berhormat Menteri Muda kita.

Mr. Speaker: Saya chuma hendak mengingatkan jawap^{an} kepada Menteri Muda itu kepada ucapan puan dalam ucapan penanggoahan hari itu tidak boleh di-jadikan perbahathan dalam masaalah yang ada di-hadapan ini. Jangan di-jadikan perbahathan perkara itu!

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, dan begitu kehendak-nya dalam Rancangan Lima Tahun yang akan datang supaya dapat menetapi kehendak ra'ayat jelata di-kampung. Maka bagi anak² perempuan hendak-lah juga dapat kita perbaiki-nya sesuai dengan kemajuan² yang kita jalankan dalam negeri kita ini.

Berpaling saya kepada muka 48 tentang hal Social Welfare. Di-sini saya terbacha ia-itu bantuan dalam soal welfare yang hanya kebanyakan diberi kepada rumah Social Welfare itu sahaja dan juga kepada training bagi pemuda pemudi kita dan anak² dari kaum ibu, anak² dalam rumah yang telah di-buat oleh Kerajaan untuk tempat tinggal mereka itu. Saya minta di-sini kerana wang daripada Social Welfare ini ada banyak saya lihat, alang-kah bagus kalau sakira-nya juga di-beri bantuan kepada orang² kampong di-luar bandar yang kehidupannya sangat miskin, yang mempunyai banyak anak sahingga kemiskinan tak dapat memberi anak²-nya pergi ka-sekolah. Maka kalau sakira-nya dapat pula di-beri bantuan kepada mereka itu yang di-siasat oleh Jabatan Social Welfare maka sepatut-nya kita beri bantuan kepada mereka itu, lebeh² lagi ini saya katakan kemiskinan ini dalam kawasan² luar bandar yang kebanyakan-nya orang² Melayu—sifat orang² Melayu ini pemalu. Tidak

mahu ia menyatakan yang ia itu miskin, dan kalau kita suroh pergi Jabatan Social Welfare terangkan bagini bagini. Kata-nya dia malu, oleh sebab itu kalau kita mahu memperbaiki keadaan mereka itu di-luar bandar maka hendak-lah dapat dari badan² Social Welfare itu melihat dan memerhatikan soal ini dan dengan itu dapat di-beri bantuan kepada mereka itu.

Juga saya minta supaya badan Social Welfare ini akan dapat memberi makanan² yang sihat kepada anak² sekolah di-luar bandar, kerana kebanyakan murid² itu pergi ka-sekolah kadang² pergi dengan tidak minum ayer, bukan kerana ada pergi atau tidak—ada makanan yang di-beri boleh chergas, tetapi kerana tidak ada makanan yang di-beri oleh ibu bapa-nya. Oleh sebab itu hendak-lah Social Welfare sa-bagaimana di-tempat² lain ada di-beri susu kepada anak² sekolah itu maka saya meminta supaya Kerajaan kita di-sini untuk menyihatkan anak² kita yang di-kampung di-luar bandar itu beri-lah mereka itu makanan yang sihat supaya mereka juga dapat mempunyai otak yang sihat untuk belajar.

Dalam soal Housing, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu dalam ranchangan membuat rumah² murah. Maka saya berharap juga kerana di-sini saya nampak baharu di-adakan ranchangan rumah² murah dalam kawasan² bandar. Alang-kah juga bagus-nya kalau sakira-nya di-luaskan ranchangan ini supaya dapat kita buat ranchangan ini di-kawasan² luar bandar dan dalam soal ini juga hendak-lah pembahagian rumah² itu di-beri kepada orang yang betul² hendak yang memerlukan rumah, sebab kadang²-nya ada juga rumah itu di-beli kepada orang yang sudah kaya, yang sudah banyak mempunyai dua tiga buah rumah, oleh sebab itu badan yang mengator soal rumah ini hendak-lah melihat atau menjalankan-nya dengan sungguh² hati supaya betul² hendak-nya orang yang berkehendakan rumah itu dapat kita beri.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, kita ada-lah berhadapan dengan satu usul daripada

Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya di-luluskan apa yang tersebut dalam buku ini dari dasar, chara dan tujuan serta susunan pekerjaan bagi ranchangan lima tahun yang akan datang. Perkara ini ada-lah satu perkara besar yang patut mendapat perhatian yang halus dari kita bersama. Dalam mengkaji tujuan, dasar, chara dan ranchangan² yang di-kemukakan dalam buku ini sa-bagai ranchangan lima tahun yang akan datang tidak-lah dapat di-perkechilkan nilai memerhatikan apa yang telah di-buat dalam ranchangan lima tahun yang lalu, dan Kerajaan telah pun memberikan pendapat-nya dengan membuat satu bahagian khas dalam buku ini yang menyatakan apa-kah pandangan-nya terhadap kemajuan ranchangan lima tahun yang lalu itu. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita kaji ranchangan lima tahun yang lalu itu nampak-lah kepada kita bahawa Kerajaan telah membahagi nilian-nya kepada dua pehak. Pehak yang pertama waktu kewangan tidak begitu baik ia-itu pada tahun² 1957 dan 1958, dan pehak yang kedua waktu kewangan Persekutuan Tanah Melayu bertambah baik ia-itu pada tahun² 1959 dan 1960. Maka terpaksa-lah Kerajaan menyatakan dukachita-nya tentang tidak banyak dapat di-buat pada dua² tahun yang dahulu itu di-sebabkan kerana kejatohan ekonomi seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, membuat ranchangan lima tahun itu tentu-lah telah ada perhitongan. Saya tidak tahu di-waktu ranchangan lima tahun yang pertama di-kemukakan sama ada perhitongan itu telah di-binchang dan difikirkan dengan masak dan halus oleh Kerajaan. Walau bagaimana pun, perhitongan itu telah tidak tetap dan tersentuh oleh sebab apa yang berlaku dalam ekonomi dunia pada tahun² 1957 dan 1958.

Saya sengaja menyebutkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini ada-lah penting, sebab apa yang berlaku pada ranchangan yang lalu itu mungkin berlaku pada ranchangan yang akan datang, walau pun Yang Berhormat Menteri Kewangan

telah bangkit sa-bentar tadi telah menyatakan keyakinan dan perhitungannya yang di-asaskan atas beberapa dasar yang tertentu, tetapi oleh kerana kita perchaya bahawa dahulu pun perkara ini telah di-perbuat, maka tidaklah boleh kita ketepikan kemungkinan bahawa ranchangan yang kedua ini akan mengalami nasib seperti ranchangan yang pertama.

Kejatoan ekonomi tahun 1957 dan 1958 telah mengakibatkan beberapa sekatan dan beberapa tekanan kepada kemajuan² dalam negeri ini. Apabila kita lihat siapa-kah yang kena tekan dan siapa-kah yang di-majukan, terdapat-lah kita bahawa perkara² yang bersangkutan dengan kehidupan dan kepentingan ra'ayat banyak yang tersekat. Kita mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan² kemasharakatan (social services) telah menderita, sebab walau pun kita tahu dan faham bahawa pelajaran dan kesehatan ra'ayat itu amat penting dalam ranchangan lima tahun yang pertama, mereka ini kedua²-nya telah mendapat bahagian yang kecil; hanya 64 peratus sahaja daripada matlamat yang ditujukan dalam ranchangan yang pertama itu dapat di-hasilkan dalam bidang pelajaran negeri ini, dan hanya 25 peratus sahaja dalam bidang kesehatan ra'ayat dapat di-hasilkan.

Oleh itu, mahu tidak mahu memperhitungkan ranchangan yang ada di-hadapan kita ini tidak-lah boleh sa-mata² di-asaskan atas pengakuan² dan perhitungan yang ada di-buat yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Apa-kah yang telah di-bayangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam hal ini ketika ia mengemukakan chadangan-nya ia telah mengatakan bahawa 71 peratus daripada ranchangan lima tahun yang kedua ini ia-lah bagi pengeluaran penghasilan iktisad negara, dan 24 peratus daripada-nya akan di-beri kepada perkhidmatan kemasharakatan. Siang² lagi Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita berkata bahawa sa-kira-nya apa yang kita tidak ingini di-dalam kejatoan atau kemerusutan ekonomi di-dunia ini, maka harus-lah bidang

kemasharakatan terpaksa kita perkecilkan. Sebab kata-nya dan kata Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan-nya dahulu kalau kita mulakan menerusi perkhidmatan masharakat dengan chepat, maka akan datang natijah yang tidak baik sa-kira-nya tidak dapat di-langsungkan; maka harus-lah kita tersangkut dalam ranchangan lima tahun yang akan datang sa-kira-nya perkara yang tidak di-ingini itu berlaku. Perinsip ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang akan saya bahathkan apabila saya membahathkan perkara ini satu persatu-nya nanti. Perhitungan kewangan yang di-buat dengan harga getah 80 sen pada hari ini boleh-lah di-sifatkan satu perhitungan yang mempunyai asas, tetapi membuat sa-suatu dugaan dari awal lagi sa-kira-nya berlaku perkara yang tidak di-ingini, maka yang akan menderita, yang akan di-kecil dan yang akan di-ketepikan ia-lah perkhidmatan masharakat ada-lah satu kesalahan yang besar yang di-lakukan oleh Kerajaan dalam ranchangan ini terhadap ra'ayat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-sudah lima tahun yang lalu Kerajaan mengabai dan mengchuaikan perkhidmatan masharakat ini, hairan-lah saya apabila di-dalam ranchangan lima tahun yang akan datang siang² lagi ma'aluman di-nyatakan bahawa kalau sa-suatu pehak yang akan menderita, sa-suatu peruntokan yang akan ditekan, maka ia itu-lah peruntokan perkhidmatan masharakat. Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat negeri ini berharap banyak, di-antara harapan-nya mengenai kehidupan mereka itu ia-lah perkhidmatan masharakat, sebab tidak akan dapat di-majukan, tidak akan dapat di-betulkan iktisad sa-sabuah negara sa-kira-nya perkhidmatan masharakat yang merupakan pelajaran itu di-ketepi dan di-rendahkan, dan tidak akan dapat semua-nya ini kita hasilkan sa-kira-nya dari awal lagi kita mengatakan mereka ini-lah yang akan kita perkecilkan.

Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat negeri ini berharap banyak. Di-antara harapan² yang mengenai kehidupan mereka itu ada-lah perkhidmatan² masharakat. Sebab tidak akan dapat

di-majukan, tidak akan dapat di-betulkan iktisad sa-buah negara itu sakira-nya perkhidmatan masharakat yang merupakan pelajaran di-ketepikan dan di-rendahkan. Dan tidak akan dapat semua-nya ini kita hasilkan sakira-nya dari awal lagi kita mengatakan mereka itu-lah yang akan menderita. Jadi, saya ingin memberikan ulasan dalam hal ini dengan mengatakan priority atau keutamaan hendak-lah diberikan lebih banyak kepada perkhidmatan masharakat. Dan sakira-nya berlawanan-lah dua pehak ini maka jangan-lah perkhidmatan itu di-kurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada lojik dari segi ekonomi bahawa penambahan production dan menambahkan hasil negara akan memberi faedah kepada masharakat, Dan itu tidak boleh di-tidakkan tetapi sa'at itu juga di-tentang oleh fikiran ia-itu sakira-nya di-ketepikan kepentingan pelajaran maka ka-mana-kah pula pehak yang akan beruntung. Tuan Yang di-Pertua, nyata kepada kita bahawa priority yang tidak mahu memberi pengakuan kepada seluroh kepentingan ini adalah dasar yang tidak betul. Timbalan Perdana Menteri, di-dalam chadangan-nya ini, dia menyatakan bahawa tidak-lah dapat di-jayakan ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang akan datang ini sakira-nya tidak mendapat kerja sama yang penoh dan yang ikhlas daripada ra'ayat negeri ini. Ini benar dan ini-lah yang menjadi akar tunjang bagi kemajuan bagi melichinkan dan kejayaan sa-sabuah negara yang ra'ayat-nya mempunyai hak seperti negeri kita ini.

Ra'ayat kita, Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun mempunyai khayal² yang tinggi tetapi ingin melihat munafa'at-nya yang dekat. Sa-orang Ahli Yang Berhormat dari sa-belah sana mengatakan bahawa kerja sama ra'ayat itu tidak akan dapat di-hasilkan melainkan sakira-nya ranchangan² yang di-kemukakan oleh Kerajaan itu dapat memberi faedah yang chepat dengan jalan ini. Dan mengatakan dengan jelas bahawa ada di-antara ranchangan² yang telah di-lakukan oleh Kerajaan seperti membuat jalan; ini bukan kata saya tetapi kata dia,

amat-lah jauh daripada munafa'at-nya yang lekas. Ahli Yang Berhormat itu telah mengingatkan Kerajaan supaya jangan-lah mengutamakan satu² benda yang munafa'at yang tidak ada langsung kepada ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan apabila sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada pehak sana khusus-nya daripada Larut Selatan berkata bahawa ada salah faham di-dalam ketarangan yang di-dapati-nya di-sini. Hairan saya pada mula-nya tetapi kemudian-nya terpaksa-lah saya mema'afkan sebab dia tidak mengerti agak-nya bahasa Kebangsaan yang di-tutor oleh pehak² yang di-sebelah sini. Sakira-nya, Tuan Yang di-Pertua, ada terbit pertelingkahan di-dalam soal Ranchangan Lima Tahun yang akan datang, maka ada-lah pertelingkahan itu datang daripada pehak² di-sebelah sana. Sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada sini—dari Tanah Merah telah berchakap soal kolam yang telah di-buat di-Chekus. Maka bangkit-lah sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada Krian mengatakan patut wakil ra'ayat itu mengambil tahu hal itu semua sakali sa-olah²; ia menyerang benar² akan wakil Tanah Merah kerana sa-olah² wakil Tanah Merah-lah ta' tahukan hal kawasan-nya. Tetapi kalau dia mengkaji semula geography, Chekus di-dalam peta itu, dia dapati bahawa Chekus bukan dudok-nya di-Tanah Merah bahkan di-kawasan sa-orang sahabat-nya yang dudok di-barisan belakang sana. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, complex yang seperti ini-lah yang telah timbul yang patut di-perhatikan oleh wakil Larut Selatan itu dan saya harap ia tidak-lah terkeliru di-masa yang akan datang; dia akan memahami lebih jelas bahasa Melayu yang di-gunakan sekarang ini.

Satu daripada kekechiwaan Kerajaan; entah oleh kerana ta' sempat, entah oleh kerana mengamalkan dasarnya ia-lah bahawa Kerajaan tidak menggunakan Ranchangan Lima Tahun dengan chara yang dapat di-gambarkan-nya dalam benda² itu satu persatu, tidak detail, chuma di-berikan prinsip-nya sahaja. Saya akui bahawa tidak-lah begitu mustahak

mengemukakan detail dengan halusan²-nya tetapi ada mustahak-nya didalam membuat ranchangan chara yang kasar. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal itu juga, kita di-Dewan ini di-kehendaki supaya menimbangkan hal yang ada di-hadapan kita ini.

Kerja sama daripada ra'ayat didalam satu ranchangan yang besar seperti ranchangan negara ia-lah diasaskan di-atas kejujoran dan keikhlasan. Kalau kita menengok bahawa Ranchangan Lima Tahun yang di-buat itu ada-lah ranchangan negara maka hendak-lah kita dari awal-nya kita perhatikan hal kepentingan negara. Perasangka politik dan pandangan² serong di-dalam melayani ra'ayat yang berlainan faham-nya hendak-lah di-hindarkan. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, ta' kan dapat sa-suatu ranchangan besar di-jayakan dengan nama sa-bagai sa-buah negara, sakiranya di-atas ranchangan ini, ra'ayat merasakan bahawa ranchangan ini bukan ranchangan negara dan patut-lah di-perhatikan-lah kepentingan negara itu. Saya sebutkan di-sini kerana telah berlaku di-dalam ranchangan Lima Tahun yang lalu bahawa beberapa kepinchangan telah timbul terutama sekali dalam melakukan sa-suatu ranchangan yang besar. Kepentingan² ini jelas apabila Pantai Timor, Kelantan dan Trengganu, telah menderita dengan faham² politik yang berlainan. Yang penting-nya apabila jambatan² yang kalau dahulu dalam Ranchangan Lima Tahun yang lalu telah ada telah di-pindahkan kepada tempat yang lain dan sa-hinggakan tergamak di-antara Menteri² berkata bahawa, "sengaja kami pindahkan ini untuk mengajar orang Kelantan dan orang Trengganu." Jelas-lah daripada apa yang telah berlaku di-satu tempat, saya dapati sengaja di-buat jalan yang besar. Dan saya dapati satu masaalah yang timbul ia-itu sa-buah jalan yang kecil; batang-nya kecil chabang-nya besar (*Ketawa*). Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya, kenapa-kah chabang-nya kecil batang-nya besar pula. Dan saya dapati-lah kerana Timbalan Perdana Menteri punya kawasan dan di-hujung-nya itu kampung Timbalan Perdana Menteri sendiri! Ini-lah

chara-nya yang saya katakan akan menghapuskan keperchayaan ra'ayat, sunggoh pun Kerajaan pada masa ini ada Ranchangan Lima Tahun-nya yang akan datang sa-bagai ranchangan negara. Jadi, kesalahan yang sudah itu, Tuan Yang di-Pertua, kita patut betulkan. Dan sa-lagi itu tidak dibetulkan maka mengemukakan dengan usul dengan di-sebutkan full co-operation, whole hearted, full participation of ra'ayat akan menjadi satu perbuatan yang kosong yang tidak akan dapat di-pakai oleh ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan kerjasama yang lebih tegas dan lebih chepat daripada ra'ayat, hendak-lah di-berikan faedah yang langsung kepada ra'ayat, di-buatkan jalan umpama-nya. Apabila hendak membuat jalan besar di-sabua kampung apa yang telah di-lakukan ia-lah di-angkut dan di-bawa kuli² yang datang dari luar daerah itu di-lakukan oleh contractor² yang datang dari luar daerah itu sendiri—dia di-datangkan dari tempat² yang besar. Mereka inilah untong sedangkan anak² di-sana yang menengok benda itu di-buat tidak dapat pekerjaan di-tempat itu. Jadi, bagaimana-kah ini dapat di-hasilkan sa-kira-nya faedah membuat ranchangan itu tidak di-beri kepada ra'ayat. Jadi, kerana hal seperti ini walau pun nampak-nya kecil dari segi Kementerian ini kerana kata-nya: "Walau pun dengan apa juga saya boleh jalankan Kementerian saya." Tetapi untuk berkata, "full co-operation, whole-hearted and full participation daripada ra'ayat, ini amat-lah penting di-perhatikan. Tuan Yang di-Pertua, kita melihat di-dalam review yang di-buat

Mr. Speaker: Masa sudah chukup, ada-kah panjang lagi. (*Ketawa*). Berapa lama lagi?

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Ta' tahu saya hendak agakkan, boleh jadi satu jam.

DEFERMENT OF BUSINESS AND ADJOURNMENT

(Motion)

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan bahawa

perbahathan berkenaan dengan perkara di-hadapan Dewan pada hari ini di-tanggohkan sa-hingga hari esok. Saya menhadangkan Dewan ini bersurai sekarang.

Enche' Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong chadangan ini.

Dato' Onn bin Ja'afar (Kuala Trengganu Selatan): On a point of order. Saya merasa terkilan kerana saya tidak dapat di-dalam Standing Orders di-sini ia-itu sa-barang Ahli Yang Berhormat Dewan ini berhak meminta tangguh persidangan ini melainkan Standing Orders 12 dan Standing Orders 16.

Mr. Speaker: Di-bawah Standing Orders 16 segala usul bagi menempohkan meshuarat hendak-lah pada pukul 4.30 di-bawah fasal 16 (1). Akan tetapi hal perjalanan perbahathan di-dalam Majlis ini ada-lah di-jalankan di-bawah kuat kuasa Majlis ini. Jadi, jika Majlis ini dengan usul di-bawa oleh pihak Menteri supaya Majlis ini di-tempohkan maka Majlis ini boleh persetujukan bagitulah biasa-nya di-buat bukan sahaja di-sini bahkan di-Parlimen² yang lain dalam dunia. Itu terpulang kepada Majlis ini jika Majlis ini bersetuju dengan usul itu, saya mesti mengikut persetujuan Majlis ini (*dalam bahasa Inggeris*) that is to say, the House can control its business by introducing a motion in the House and adopting it; this is the practice not only in this Parliament but everywhere in the world.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah resolution itu boleh di-berikan sa-lain daripada sa-orang Menteri?

Mr. Speaker: Itu terpulang-lah kepada saya sendiri. Pada masa ini belum ada saya benarkan (*Ketawa*).

Dato' Onn bin Ja'afar: Apa-kah sebab-nya hendak di-tanggohkan pada pukul 1.00. Ada-kah sebab ada orang besar hendak tiba. Apa-kah hal itu mematutkan di-ganggu persidangan ini, siapa hendak pergi menyambut dia, pergi-lah (*Ketawa*) yang lain boleh tinggal di-sini.

Mr. Speaker: Mr. Speaker hendak pergi menyambut-nya.

Dato' Onn bin Ja'afar: Mr. Speaker hendak menyambut-nya, Deputy-nya ada (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Ada-lah masalah di-hadapan Majlis ini **ia-itu satu usul** yang di-bawa oleh Timbalan Perdana Menteri supaya menempohkan Majlis ini jam ini juga dan bersidang sa-mula pada pagi esok untuk menimbangkan dan menyambong perbahathan yang ada di-hadapan kita ini.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That further consideration of the business now before the House be deferred to the next sitting day, and that the House do now adjourn.

Adjourned accordingly at 1.00 p.m.